

# Permohonan Marina panggil Dr. M jadi saksi ditolak

KUALA LUMPUR, Rabu — Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak permohonan peguambela Puan Marina Yusoff untuk memanggil pengarang 'Malay Dilemma', Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi saksi peguambela dalam kes percabaran terhadap Ahli Parlimen Kinabalu, Mark Koding yang dituduh di bawah Akta Hasutan.

Sebelum keputusan itu, mahkamah diberitahu, Perdana Menteri bersetuju untuk hadir ke

mahkamah antara jam 2 atau 2.15 petang. Beliau hanya akan mengemukakan buku karangannya itu saja sebagai barang kes.

Puan Marina juga gagal memanggil dua saksi dari Bahagian Perpustakaan The New Straits Time Press dan Dewan Bandaraya.

Kedua saksi berkenaan dikatakan hanya akan mengemukakan dokumen (potongan akhbar) hujah Peguam Negara ke atas kes Universiti Merdeka dan arahan Dewan Bandaraya berhubung penggunaan Bahasa Malaysia di

papan-papan tanda di Wilayah Persekutuan.

Mark Koding, 32, dituduh mengeluarkan kata-kata menghasut semasa berucap di Dewan Rakyat pada 11 Oktober 1978.

## Mempersoal

Beliau dikatakan mempersoalkan kewujudan terus sekolah-sekolah Cina dan Tamil di samping penggunaan kedua bahasa itu di papan-papan tanda.

Hakim Datuk Haji Mohd. Azmi bin Datuk Haji Kamaruddin, sebelum menolak permohonan itu berkata, terdapat fakta yang men-

cukupi bagi membantunya membuat keputusan dalam kes itu.

"Saya juga mempunyai sebuah buku Malay Dilemma di rumah," ujarnya.

Tambahnya, "Apa juga dokumen yang akan dikemukakan oleh ketiga saksi itu nanti, tidak akan membantu mahkamah untuk membuat keputusan."

Sebelum itu Puan Marina menjelaskan, beliau perlu mengemukakan Malay Dilemma, kerana di percabaran lalu, pernah ditanya dari mana Mark Koding memperoleh bahan ucapannya itu dan diberitahu dari buku Malay Dilemma.

Bagaimanapun kata hakim, apa yang dikatakan di percabaran lalu sudah tidak sesuai lagi memandangkan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan berhubung tiga persoalan undang-undang bersangkutan kes itu yang dirujukkan ke mahkamah berkenaan.

Sebelum mengemukakan permohonan itu, Puan Marina berhujah, dokumen-dokumen yang akan dikemukakan kelak tidak akan mengubah fakta kes dan hanya untuk memperkuatkan hujah-hujahnya di percabaran lalu yang merujuk kepada dokumen tersebut, termasuk Malay Dilemma.

## Peluang

Katanya lagi, yang dituduh harus diberi peluang mengemukakan pembelaan walaupun kesnya telah ditutup. Ini juga memandangkan, seriusnya hukuman ke atas Ahli Parlimen itu, jika dia didapati bersalah, akan kehilangan jawatannya, walaupun dituduh denda \$1 sahaja.

Timbalan Pendakwaraya, Encik Lamin Haji Yunus ketika membantah permohonan itu berkata, pihak pembela telah menutup kesnya dan mahkamah harus berhati-hati membenarkan kes itu dibuka semula, kerana ia 'membuka jalan' kepada permohonan yang sama dibuat di masa depan.

"Jika Puan Marina sendiri mengaku dokumen tersebut tidak akan mengubah fakta kes, tidak ada sebab mengapa beliau harus panggil saksi-saksi berkenaan.

"Permohonan beliau tidak layak dilayan dan hanya akan membuang masa mahkamah sahaja."

Sementara itu Hakim Datuk Haji Mohd. Azmi menangguh keputusan percabaran terhadap Mark Koding Jumaat ini.

Penangguhan itu dibuat selepas mendengar hujah peguam kedua belah pihak.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2782 .....

No. Penerimaan ..... 505/85 .....